

**GARIS PANDUAN UNJURAN ANJUNG KERETA RUMAH KEDIAMAN SEDIA ADA ( RUMAH TERES, RUMAH BERKEM BAR & RUMAH SESEBUAH ) YANG MELEPASI 1.83 METER DARI GARISAN BANGUNAN YANG DIBENARKAN UNTUK AKTIVITI TUKARGUNA (PERNIAGAAN / PEJABAT).**

Rumah kediaman sedia ada ('landed') yang terdiri daripada jenis rumah teres, rumah berkembar dan rumah sesebuah yang **telah siap dibina** yang terletak di kawasan yang dibenarkan ditukarguna kepada aktiviti perniagaan / pejabat mengikut Pelan Dasar Perancangan Dan Kawalan Pemajuan yang ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan, maka unjuran anjung kereta sedia ada yang melepasi had 1.83 meter dari garisan bangunan boleh dibenarkan dikekalkan dengan syarat- syarat seperti berikut :-

- (a) Binaan sekatan dinding dalaman termasuk 'roller shutter' di anjung kereta sedia ada adalah tidak dibenarkan,
- (b) Ruang anjung kereta sedia ada hendaklah dikekalkan dan tidak dibenarkan dijadikan sebagai ruang perniagaan / pejabat,
- (c) Ketinggian dinding pagar dibawah anjung kereta sedia ada hendaklah dikekalkan dan tidak dibenarkan melebihi 1.5 meter,
- (d) Pindaan dan tambahan (termasuk tambahan ruang lantai baru) kepada anjung kereta sedia ada adalah tidak dibenarkan,
- (e) Rekabentuk dan fungsi asal anjung kereta sedia ada hendaklah dikekalkan,
- (f) Tambahan ruang lantai ke atas anjung kereta sedia ada adalah dibenarkan dibina mengikut kelebaran rumah sedia ada dengan syarat tambahan ruang lantai tersebut adalah juga digunakan sebagai anjung kereta dan tidak dibenarkan dijadikan sebagai ruang perniagaan / pejabat,
- (g) Tawaran sumbangan pengecualian daripada anjakan yang dikehendaki bagi anjung kereta sedia ada yang melepasi had 1.83 meter adalah RM 100 semeter persegi.
- (h) Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa dari 01.07.2020.